

## **MENGKHIANATI UMNO**

**Chedet.cc**

**13 May 2016**

**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Sesungguhnya apa yang sedang berlaku di negara bertuah ini tidak pernah diduga, dimimpi atau diramal oleh sesiapa, samada rakyat negara ini atau orang asing.
2. Semasa kita berjuang untuk kemerdekaan semua pemimpin dan rakyat percaya bahawa pemimpin yang dipilih oleh mereka tetap akan bersikap dan bertindak sebagai nasionalis yang berkhidmat, bahkan berkorban untuk negara, untuk rakyat dan kesejahteraan mereka. Inilah sebabnya yang mereka terima tanpa soal sistem demokrasi, sistem yang memberi hak kepada rakyat untuk memilih Kerajaan mereka.
3. Dan seperti yang mereka jangka, pemimpin demi pemimpin pilihan mereka tidak mengecewakan mereka. Negara dibangun dengan baiknya dan rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik dan lebih makmur dari dahulu.
4. Perdana Menteri-Perdana Menteri tidak menimbulkan banyak masalah. Apabila masa datang untuk mereka undur mereka pun pergi. Rusuhan untuk menjatuhkan Perdana Menteri tidak pernah berlaku.
5. Tun Abdullah juga berundur apabila prestasinya dalam PRU 12 tidak begitu baik. Dia undur kerana sudah jelas rakyat tidak lagi sokongnya. Najib juga mendesak supaya dia undur dan Najib menggantinya.
6. Rakyat lega. Inilah Malaysia. Peralihan kuasa diperingkat tertinggi berlaku dengan licin dan tertib. Rakyat menunggu akan nikmat yang mereka akan dapat daripada pemimpin baru. Mereka percaya yang baru tetap lebih baik dari yang lama. Jika tidak lebih baik pun tentu sekurang-kurangnya sama dengan ayahnya, Tun Razak.
7. Tetapi impian rakyat tidak menjadi kenyataan. Awal-awal lagi diperhatikan cara hidup yang luar biasa mewahnya berbanding dengan PM yang terdahulu. Ini dilihat terutamanya semasa perkahwinan anaknya. Tumpuan tidak diberi kepada pembangunan negara, kepada pengwujudan peluang pekerjaan dan perniagaan. Sebaliknya dicipta BRIM, pemberian RM 500/- kepada rakyat yang dikatakan miskin.
8. Rakyat kecewa. Jauh dari menyokong. Prestasi Najib dalam PRU 13 menurun berbanding dengan PM yang dia ganti. Namun pemimpin diperingkat bahagian dan wakil rakyat UMNO khususnya ternampak tidak faham tentang kekurangan sokongan rakyat kepada Najib.
9. Kemudian datang 1MDB. Dengan modal satu million Ringgit, syarikat yang ditubuh dan dipimpin oleh Najib meminjam empat-puluh-dua ribu kali ganda lebih daripada modal. Maka bermulalah cerita-cerita tentang berbagai-bagai salah laku oleh 1MDB ini. Berbillion Ringgit dilabur tanpa kajiselidik yang mendalam, dipindah kesana kesini, meresap dan hilang. Soalan tidak dijawab. Faedah hutang tidak dibayar. Auditor di buang, diganti dan dibuang lagi.
10. Terdengar cerita Jho Low yang tidak memegang apa-apa jawatan tetapi berkuasa. Jika Ahli Lembaga Pengarah menyoal, Jho Low menalipon Dato Sri Najib dan menyuruh Pengarah bertanya

sendiri. Pengarah tidak bertanya. Terima sahaja arahan Jho Low. Yang tak senang hati menarik diri dari Lembaga.

11. Cerita berkenaan Rosmah juga menimbulkan kemarahan Rakyat. Tersebarnya cerita berkenaan pembelian beg tangan sahaja menelan berjuta Ringgit dan juga kononnya banyak perniagaan memberi saham percuma kepada Rosmah melalui proksi beliau.

12. Segala urusan 1MDB tertutup, tidak dilapor oleh akhbar kerana tidak dibenar, atau takut atau diberi amaran. Mesyuarat Agung UMNO tidak dibenar bercakap berkenaan 1MDB.

13. Kemudian di dalam akhbar luar negara, Wall Street Journal, terdapat laporan bahawa akaun persendirian Dato Sri Najib memiliki Dolar Amerika sebanyak 681 juta, bersamaan 2.6 billion Ringgit Malaysia. Seluruh rakyat terkejut. Mereka bertanya apakah benar PM Malaysia memiliki wang sebanyak itu. Ini tidak mungkin. Ini akhbar asing yang suka memburukkan Malaysia.

14. Najib nafi. Katanya tak akan dia begitu bodoh memasuk wang sebanyak itu dalam akaun peribadinya. Katanya cerita ini tidak berasas. Dia tidak memiliki wang sebegitu banyak.

15. Tetapi akhirnya Dato Sri Najib mengaku wang sebanyak 2.6 billion Ringgit itu ada dalam akaun peribadinya. Kononnya derma dari Putera Arab Saudi. Kemudian didakwa dari Raja Arab Saudi yang sudah mangkat.

16. Tetapi pengesahan dengan dokumen yang boleh dipercayai tidak ada. Hanya pengakuan Najib. Pegram Negara disingkir dan yang baru dilantik yang mendakwa Najib tidak menyalahguna wang dalam akaunnya. Kononnya wang ini telah diberi balik kepada penderma. Sekali lagi tidak ada dokumen yang mengesah kenyataan ini. Hanya pengakuan oleh Peguam Negara.

17. Kalau tidak bersalah kenapa tidak dibuat saman malu terhadap Wall Street Journal dan Sarawak Report yang membuat laporan berkenaan 2.6 billion Ringgit yang berada dalam akaun Najib. Saman malu boleh dibuat di Britain atau Amerika jika yang didakwa enggan dibicara di Malaysia. Tetapi Najib tidak membuat saman malu, selain daripada bertanya kenapa laporan itu dibuat. Ini bermakna laporan Wall Street Journal dan Sarawak Report adalah benar dan berasas.

18. Sekarang dunia tahu dan percaya Najib sudah selewengkan banyak daripada modal 1MDB. Dan dunia ketawa sinis terhadap Malaysia yang sudah jadi negara rasuah yang terbesar di dunia. Dan Najib didakwa adalah Menteri Kewangan yang terburuk di Asia.

19. Ketua-Ketua Bahagian UMNO dan Ahli Dewan Rakyat UMNO takkanlah pekak dan buta sehingga tidak sedar berkenaan salahlaku Najib. Tetapi mereka terus sokong Najib dan mempertahankannya. Tidak berasa malukah mereka mengetahui PM mereka sebegini buruk, dihina secara terbuka oleh dunia tanpa disangkal oleh Najib.

20. Tetapi nampaknya mereka tidak tahu malu dan lebih utamakan kepentingan diri daripada kepentingan dan maruah negara.

21. Rata-rata rakyat berhimpun dan mendesak untuk Najib disingkir daripada jawatan Perdana Menteri. Ahli-ahli dan pemimpin UMNO tahu parti mereka akan kalah jika Najib terus memimpin BN dan UMNO dalam PRU 14. Hanya yang bisu dan pekak sahaja yang tidak ambil kesah akan kehancuran UMNO yang tetap berlaku.

22. UMNO adalah parti yang mengalahkan Malayan Union dan memerdekakan negara. UMNO juga berjaya membangunkan negara.

23. UMNO juga yang memberi kepada negara Perdana Menteri, Perdana Menteri yang memajukan negara sehingga ketahap yang tinggi.

24. Tetapi hari ini kerana UMNO mempertahankan Najib sebagai Perdana Menteri walaupun jelas dia terlibat dengan skandal yang amat buruk, dan menjadikan UMNO parti yang terburuk di Malaysia, pemimpin-pemimpin bahagian dan Ahli Dewan Rakyat UMNO masih bersekongkol dengan Najib untuk musnahkan UMNO. Anak cucu mereka akan kutuk mereka kerana ini.

25. Wahai pemimpin UMNO, ingatlah akan masa depan kamu. Pengkhianatan kamu akan dibalas dengan cara yang setimpal di dunia dan di akhirat.

ENG VERSION

BETRAYING UMNO

1. Indeed, what is happening to this blessed country has never been anticipated, dreamed or predicted by anyone, whether its citizen or foreigners.

2. When we fought for independence all leaders and people believed that leaders chosen by them will behave and act as nationalists who served, even sacrificed for the sake of country, for the people and for their prosperity. This is why they accepted without question the democratic system, a system that gives citizens the right to choose their government.

3. And as they anticipated, their choice of leaders after leaders did not disappoint them. The nation was properly developed and people enjoy a better life and are more prosperous than before.

4. Prime Ministers did not posed any problems. When the time came for them back down, off they go. Civil unrest to topple the Prime Minister has never happened.

5. Tun Abdullah also stepped down when his performance in the 12th General Election was not so good. He withdrew when it was clear that he no longer had people's support. Najib also urged him to step down, and Najib replaced him.

6. People felt relieved. This is Malaysia. The transition of leadership at the highest level of power occurred smoothly and orderly. People waited for favours that they will get from the new leadership. They believed that the new is better than the old. If not better then certainly at least equal to his father, Tun Razak.

7. But people aspirations did not come true. Very early it can be observed his remarkable life of luxury compared to the previous Prime Ministers. This is seen especially during the wedding of his child. The focus is not given to the country's development, to the creation of jobs and business opportunities. On the other hand BRIM was created, giving RM500 to people who are said to be poor.

8. People are disappointed. Far from supporting. Najib's performance in the 13th General Election declined compared to the Prime Minister that he replaced. But the leaders at the divisional level and especially UMNO's elected representatives did not seem to understand the lack of public support for Najib.

9. Then came 1MDB. With a capital of one million ringgit the company, founded and headed by Najib, borrowed forty-two thousand times more than capital. Thus started the stories about misconduct by 1MDB. Billions of ringgit were invested without in-depth studies, transferred here and there, disappeared and lost. Questions remained unanswered. Interests obligations are not met. Auditors are dismissed, replaced and dismissed again.

10. Then there is the story of Jho Low who does not hold any position but was full of authority.. If Members of the Board question, Jho Low would telephone Dato Sri Najib and tell the director asked Najib himself. Directors do not ask. Just follow instructions from Jho Low. Those who are not happy withdrew from the Board.

11. Stories about Rosmah also angered the people. Stories spread regarding the purchase of handbags alone costing millions of Ringgit, and also supposedly of many businesses giving free shares to Rosmah through her proxy.

12. All matters regarding 1MDB are sealed, not reported by the press because they are not allowed to, or out of fear or were warned. 1MDB matters were also not allowed to be brought up during UMNO General Meeting.

13. Later in the foreign press, Wall Street Journal, there were reports that Dato Sri Najib has in his personal bank account USD681, equivalent to RM2.6 billion. Everyone was surprised. They asked whether it was true that the Prime Minister of Malaysia have that much money. This is not possible. This is just news from the foreign press who like to criticize Malaysia.

14. Najib denied. He said he would never be so stupid as to deposit that amount of money into his personal account. He said the story is unfounded. He did not have so much money.

15. But in the end Dato Sri Najib admitted that there is a sum of RM2.6 billion in his personal account. Supposedly, a donation from a Prince of Saudi Arabia. Then changed, that it was from the King of Saudi Arabia who had died.

16. But its confirmation by means of a reliable document does not exist. Just a declaration by Najib. The Attorney General was dismissed and the new one appointed claimed that Najib had not misused funds in his account. Apparently this money has been given back to the donor. Once again there are no documents to support this contention. Only a statement by the Attorney General

17. If not guilty, why not file a defamation suit against the Wall Street Journal and Sarawak Report that made the reports on the RM2.6 billion in Najib's account. The suits can be filed in Britain or the United States if the accused refuses to be tried in Malaysia. But Najib did not file the suit, other than just asking why the reports were made. This means that reports by the Wall Street Journal and Sarawak Report are true and with basis.

18. Now the world knows and believe that Najib has misappropriated a lot of 1MDB's capital. And the world laughs sarcastically at Malaysia which have become the most corrupt country in the world. And Najib is allegedly the worst Finance Minister in Asia.

19. Heads of UMNO's divisions and UMNO Members of the House of Representatives could not be so deaf and blind as to not know about Najib's misconduct. But they continue to support Najib and

defend him. Do not they feel any shame knowing their Prime Minister is this rotten, openly humiliated by the world without being rebutted by Najib.

20. But it seems they do not feel ashamed and are more concerned with self-interest rather than the interests and dignity of the country.

21. Everywhere people gather and demanded that Najib be removed from the post of Prime Minister. Members and UMNO leaders do not know that their party will lose if Najib continues to lead the BN and Umno in the 14th General Election. Only the dumb and deaf will not be bothered with the demise of Umno which will surely happened.

22. Umno is a party that defeated the Malayan Union and liberate the country. UMNO also succeeded in developing the country.

23. UMNO also gave to the country Prime Ministers, Prime Ministers that developed the country to a high level.

24. But today because UMNO defends Najib as Prime Minister although it is clear he was involved in a deplorable scandal, and makes UMNO the worst party in Malaysia, still division leaders and UMNO Members of Parliament conspire with Najib to destroy UMNO. Their children and grandchildren will curse them for this.

25. O UMNO leaders, please remember the future. Your betrayal will be justly commensurated in the world and in the hereafter.

70 thoughts on "MENGKHIANATI UMNO"

1.  [Log in to Reply Sri Sense](#) May 16, 2016 9:20 PM

Dear Tun

From Star :

### **Mukhriz says being treated worse than opposition**

KOTA KINABALU: Datuk Seri Mukhriz Mahathir is disappointed over the actions of some people who treat him worse than the opposition and go to great lengths to prevent him from speaking to the public at any event.

The former Kedah menteri besar said he was supposed to attend a function in Semporna on Sunday and speak on issues faced by the country but was told at the last minute that the event had been cancelled.

He said the organisers told him that they were threatened if they continued with the function.

"I am disappointed with the decision and wonder whether preventing me from speaking to the public, even under closed doors, will help strengthen or weaken the party," he said.

"I was made to understand that opposition leaders from Pakatan Harapan have been allowed to make public speeches but not me even though I am still an Umno division leader," Mukhriz said in a statement here on Sunday.

He said such actions do not portray Umno's democratic values, and leaders who are aware of incidences that tarnish the image of the party and country should not stay silent.

News can be found here :

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/05/15/mukhriz-mahathir-i-am-treated-worse-than-opposition/>

### **Bersih's Maria Chin barred from leaving**

PETALING JAYA: Bersih 2.0 chairman Maria Chin Abdullah was stopped from leaving the country on Sunday night.

Maria was at KL International Airport for her flight to South Korea to receive a human rights award.

"BERSIH Chair, @mariachin just been barred from leaving the country. She suppose to receive Gwangju Award from Korea," tweeted Bersih 2.0 official Twitter account @bersih2 on Sunday night.

It said that no reason was given except that it was under "arahan Putrajaya."

"Bersih strongly condemns the order to @mariachin prevent @mariachin from leaving the country. @Zahid\_Hamidi must explain immediately," tweeted @bersih2.

News can be found here :

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/05/15/bersih-maria-chin-abdullah-barred-from-leaving/>

### **Nur Jazlan: Govt need not explain why you're barred from leaving**

KUALA LUMPUR: The Government is not compelled to explain why someone is barred from leaving the country, said Deputy Home Minister Datuk Nur Jazlan Mohamed (pic).

Nur Jazlan said the Immigration Department had the power to bar anyone under the Immigration Act.

"We have the power to bar anyone from leaving the country.

"I don't need to answer the press. It's the power given to the Immigration, we don't need to explain why," he told reporters at the Parliament lobby.

Asked if the law applied to all citizens, Nur Jazlan said:

"Yes (they don't need to explain), strictly from the legal interpretation. Every citizen is given the right to a passport, so the passport can be revoked by the government.

"Travel conditions are attached to the passport and the condition is that the passport is the first document you must have. We can also pull back the passport," he added.

Nur Jazlan said a person can be barred from leaving the country for many reasons, including owing money to a bank or for committing offences.


Despite being pressed by reporters for an answer, Nur Jazlan did not explain why Bersih 2.0 chairman Maria Chin Abdullah was barred from leaving the country on Sunday.

Maria was stopped from leaving at the KL International Airport as she was about to board a plane to South Korea to receive a Human Rights award.


News can be found here :

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/05/16/nur-jazlan-we-need-not-explain-why-someone-barred-for-leaving-country/>

Goodnight Tun, friends.

2.  [Log in to Reply](#) **zulu** May 16, 2016 6:11 PM

It's clear that the current UMNO leaders who supports Najib (who did great damage to Malaysia) will go in history as cursed and scandalous...

3.  [Log in to Reply](#) **Dr Jafri** May 16, 2016 4:40 PM

Learn to read between the lies.

#24.

*But* today because UMNO defends Najib as Prime Minister.

He was involved in a deplorable scandal.

UMNO Members of Parliament conspire with Najib to destroy UMNO...

There is a play called "Everything Before The *But* Is A Lie".

Falsification comes in many unexpected insidious ways to form the public opinion, usually customized to the useful idiots' levels of ignorance.

UMNO defends Najib is not a lie. Just like PAS defends Hadi and PKR defends the jailed Sodomite is true. And of course how DAP defends Guan Eng amidst the deplorable scandals he is tunneled in right now goes on to show, to proof that loyalty and not 'khianati' is how a political party survives.

It says, UMNO MPs and Najib are working overtime to destroy UMNO. Picture this. Dynamite strapped UMNO MPs will self detonate at an appointed time. Kit Siang smiles as his spine tingles at the thought of that. He probably will give a loud fart as well.

When untruths are spun often enough, well-intentioned unthinking people become desensitized to facts, fall prey to groupthink, and begin to embrace the lies en masse. UMNO members defend Najib as its elected leader, is contextually spun to mean they conspire to destroy UMNO in a secret suicidal Jihadi Joe mission.

So guys, it's OK to go all out to destroy UMNO. Someone has already done that before. Remember?

4.  [Log in to Reply](#) **malaysian1000000** [May 16, 2016 2:37 PM](#)

salam,

to Sri Sense,

in that sense, i shall rest my friendly conversation due to the sense that you are telling and that really make sense in that sense. consensus gain here in my side.

maybe, most blogger also misinterpret the word "ahli". because i believe TUN agreed to be GKCM president for a reason too.

i explain more in the newest post.

TQ

5.  [Log in to Reply](#) **PutraKraken** [May 16, 2016 1:56 PM](#)

Salam yang dikasihi Tun

Setiap perjuangan perlukan pengorbanan. Tun sanggup korbakan dirinya dengan menyeru agar pengundi menolak UMNO. Ini bukan bererti Tun khianat kepada UMNO kerana UMNO bukan lagi UMNO yang kita sayang dan sokong selama ini. Najib merubah segalanya.

Jauh dilubuk hati Tun, kita tahu Tun tetap sayang UMNO. UMNO sakit tenat sekarang. Sakit yang kronik perlu ubat yang luar biasa...ubat yang amat pahit dan berbisa dan boleh membawa korban. Saranan Tun adalah ubat yang dimaksudkan.

Untuk PRK dikedua dua kawasan ini, mesej yang jelas dari rakyat mesti ditunjukkan. Dengan mengundi pihak lawan bukan setakat memberi mesej kepada Najib bahkan mesej yang lebih penting kepada UMNO. Rakyat tidak menyokong mereka lagi. Kenapa mesej kepada UMNO lebih penting? Kerana UMNO yang kita sayangi masih ada harapan untuk dipulihkan. **UNDURKAN NAJIB** kerana Najib sudah tiada jalan yang dapat diselamatkan lagi. Hanya UMNO yang dapat mengubah dan seterusnya menyelamatkan UMNO itu sendiri dan juga negara.

Ahli ahli MT UMNO, kamu ada kuasa untuk bertindak segera. Tunaikanlah **TANGGUNG JAWAB** kamu kepada rakyat yang selama ini memberi sokongan yang tidak berbelah bagi. Rakyat akan senantiasa bersama kamu selagi kamu **BERTANGGUNG JAWAB, AMANAH, TELUS** dan **JUJUR** kepada rakyat.

Dalam kemelut dan skandal yang mengaibkan dan menghancurkan negara ini, Najib adalah punca segalanya, namun UMNO lebih lagi bersalah kerana membiarkan dan menghalalkan apa yang berlaku. Mereka memekakkan dan membutakan diri mereka kepada keadaan sekeliling dan yang lebih parah ialah mereka tidak memperduli denyut rakyat. Kalau ini berterusan rakyat pastinya mempersalahkan kamu semua dan pastinya tidak akan percaya dan memberi sokongan mereka lagi. Masih ada lagi masa untuk anggota MT merubah keadaan.

Jangan sia sia kan masa yang semakin singkat ini.

6.  [Log in to Reply Sri Sense](#) May 16, 2016 10:03 AM

Salam Tun



Bicara dengan Housewife. Exactly. You're right.

Dr Jafri? Rasanya dia ini politician.

Tun

I risau tengok Tun jalan sana sini, itu yang earlier I unsurkan letak link DR/CD online. Earlier I hanya nampak kat blog Kadir Jasin. Selain itu anak muda rajin online. I would say ages between 40ish ke bawah. Yang 40ish keatas pun ada tapi tak ramai. I am thankful Tun berjaya kumpul banyak signatures.

I teringat satu masa, I rajin pergi bank waktu malam. Ada satu lelaki tua jual kerepek kat situ. Pasal kesian I beli. Pakcik ini happy dia kata, siapa nama? I tanya, kenapa?. Dia kata, saya nak doakan Puan. I



tak makan kerepek sangat, I kasi kat hubby bawak opis.

Ok I nak share news :

PM Najib "must answer" questions on former 1MDB unit SRC – Tony Pua

KUALA LUMPUR (May 16): Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak "must answer" questions on Malaysian Government-owned SRC International Sdn Bhd, which is being investigated by Singapore authorities.

Malaysia's Petaling Jaya Utara MP Tony Pua, quoting Singapore's The Business Times, said Singapore was investigating alleged fraud in the latest charge against Yeo Jia Wei, who was formerly attached to Switzerland-based bank BSI.

According to Pua's statement, the investigation involves the transfer of US\$11.95 million (about RM48 million) from SRC International to Affinity Equity International Partners.


SRC International, a former subsidiary of 1Malaysia Development Bhd (1MDB), is now placed under the finance ministry.

"While the focus of the international press and local critics have been aimed at the debt-ridden 1MDB, its former subsidiary SRC International has been kept relatively under the radar.

"Datuk Seri Najib Razak, who is also the finance minister, must answer these crucial questions pertaining to SRC International during the two-week Parliamentary sitting commencing tomorrow (Monday May 16)," Pua said.

News can be found here :

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/pm-najib-must-answer-questions-former-1mdb-unit-src-tony-pua>

7.  [Log in to Reply Buddies\\_Man](#) May 16, 2016 10:02 AM

Salam Tun,

Buat Ahli-ahli Umno Sejati yang membaca tulisan Tun kali ini.

Menangis jiwanya,  
Hilang maruah dirinya,  
Musnah penghormatan anak2 padanya,  
Jahanam negaranya.

Alasan bahawa:  
Setia kepada pemimpin....  
Itu jumud  
Ekonomi negara lebih baik...  
Itu jenaka

Yang jelas hanya kerana:  
Wang ringgit yg sudah jatuh & keris berkarat yang sudah hilang beraninya.

Kudos & Terima Kasih Tun.

In shaa Allah, we will slaughter all of them!

8.  [Log in to Reply umranrc](#) May 16, 2016 6:09 AM

Salam Tun,

Ceramah yang terbaru Tun... lupakan perbalahan, lawan BN secara satu sama satu... diharap mereka-mereka yang berkenaan boleh faham aspirasi ini. Ini boleh membuka mata para pemerintah bahawa mereka tidak lagi disenangi oleh KESEMUA rakyat Semenanjung Malaysia.

Mohon sedikit laluan Tun.

Salam dear Dr. Housewife,  
Your wise writings are treasured and as I always mentioned this to my colleagues and subordinates, respect is earned and not being forced upon. You do have my respect, thanks.

Salam Saudara WajaPerak,  
Ber cerita tentang tahap pengajian ni takkan habis. Adakah kita pasti apabila seseorang itu berpendidikan tinggi maka beliau boleh berakhlak tinggi serta tahap pemikirannya wajar? Pada pendapat saya ini belum pasti lagi.

Adakah kita pasti bahawa seseorang itu apabila didedahkan dengan pengajian ugama yang tinggi boleh membawa dirinya dengan baik? Tidak semestinya malah terdapat juga kes-kes yang tidak baik melibatkan golongan yang sepatutnya kita pandang tinggi ini.

The art of provocation is good, especially in a sense of education. It may entice the students to think beyond the ordinary. In this blog however, one must wonder, is it necessary? Maybe... Yeah, there is nothing wrong in adding some spices to lure active communications...

Okay, mengenai terjemahan Al-Quran disini, terus terang saya katakan, saya bukan ahli. Pengetahuan saya amat cetek sekali akan tetapi saya tahu bahawa kefahaman Al-Quran bukan boleh kita dapati dengan hanya membaca terjemahannya sahaja. Bahasanya merangkumi semua, baik bertulis mahupun bercakap. Panjang dan pendek sebutannya membawa pengertian yang berbeza dan kerana inilah pengajian ini perlukan Guru yang betul-betul ahli mengenainya.

Sebagai contoh, kadang-kadang tu semasa kita berbicara, "get out of here", jika kita sebut secara biasa, ia membawa erti "keluar dari sini", jika kita sebut dalam keadaan marah, ia sebenarnya menzahirkan kemarahan kita tetapi jika kita sebut sambil tersenyum lain pulak maksudnya, yakni "jangan main-main" atau dengan kata lain "berseloroh ke ni?" Dalam keadaan ini, hanya mereka yang benar-benar faham bahasa tersebut mampu untuk menterjemahkan maksud sebenar ayat tadi.

So, inilah puncanya kadang-kadang tu kita ni tersilap menafsirkan ayat-ayat suci Al-Quran kerana semata-mata mengambil terjemahannya sahaja. Waallhualam.

Salam Sri Sense,

Yup, not too worry so much about the 'Cash is King' things, understood the usage in the financial mambo-jumbo. My personal view is, as long as we do not take it as part of our lives, then it should be okay, regards.

Terima Kasih Tun.

9.  [Log in to Reply joetachi](#) May 16, 2016 3:54 AM

nk brtanding, tengendeng ngendeng..  
Walau tengendeng, jgn melenting...!  
Yg tujuk taring, terkonting konting..  
Walau tekonting, dh ada pendamping...?

Apa senaskah? Apa merekah?  
kemuhkemihkemah...  
Apa yg disembah???

<https://m.facebook.com/SampaikanWalauSebarisAyat/posts/598661030177990>

10.  [Log in to Reply cruze](#) May 16, 2016 3:01 AM

Tak payah kisah isteri di cerai, tak payah kisah khianat wahai Dr Jefry.

Mana kotak hitam dan juruterbang helikopter tu, mana siasatan anak igp yang punya syarikat senjata api, mana semua tu termasuk lain2.

Bagaimana hutang 1mdb yang najib dan jho low uruskan boleh di bayar dengan wang simpanan negara? Bila nak bayar hutang2 kwsp, kwsp, socso dan lain lain? Wahai Dr Jefry!

Mana usaha najib, igp, ag, ketua pac dan penyalak2 najib seperti azalina, hishamuddin, salleh kruak, rahman dahlan, mas ermiyati, zahid hamidi, nazri, adnan pendek, nancy dll untuk membawa balik bekas ketua pengarah src si nik faisal?

Mana mana mana?

Ampun tuan ku yang di pertuan Agong, Sultan Johor dan Tengku Mahkota Johor, kami memohon dan merayu dengan kuasa raja raja di negara Malaysia agar menghalang Gabenor Bank Negara dari menggunakan wang negara untuk membayar hutang 1mdb. Sepatutnya di bayat menggunakan wang orang yang gagal menguruskan 1mdb dan penyokong2 nya di potong gaji mereka untuk pembayaran hutang itu, begitu juga dengan segala wang dan harta najib anak beranak harus di gunakan untuk membayarnya kerana bukan kami rakyat yang membayar cukai ini yang menguruskan dan menandatangani sebarang suray serta mencadangkan penubuhan 1mdb itu.

Ampun Tuanku,

Asalamualaikum Tun dan semua pembaca yang beragama islam dan selamat sejahtera untuk bangsa2 lain.



11. [Log in to Reply HouseWifeMay 16,2016 12:42 AM](#)

Assalamualaikum Tun,

Tun nanti turun ke padang berkempen ka? Kalau Tun tak larat jangan paksa diri sebab cuaca sekarang tak menentu sekejap panas sekejap hujan lebat. Ada Tun lagilah pihak sebelah sana jadi sangat gelabah. Karisma dan aura Tun menjadi tarikan dan senjata tajam. Sapa boleh lawan karisma SEORANG LELAKI TUA BERUMUR 91 TAHUN BERNAMA TUN DR MAHATHIR MOHAMAD! Tapi Tun mesti bawa bersama anak jantan Tun, adiwira dan adiwirawati jadi escort Tun jaga keselamatan Tun. Always be cautious when you are surrounded by big crowds, but Tun being Tun will always think of the people first before self. Just be careful, ok Tun.

Tun, saya ingin bersuara sikit pada sang Dr. You sound like a person so frustrated, Dr. You mention penceraian suami isteri. Why give that example, Dr? Did you have a painful experience? If you do, please don't pick on Tun. Don't make Tun as your punching beg. I believe you to be a cultured person. Tun is NOT the pengkhianat here. If he is he would have looted Malaysia long ago and sit under the breezy sun somewhere in BVI. But Tun is here. He is helping us. Tun is not playing god neither is Tun perfect. It is not Tun's job to make Malaysia perfect. Nothing and no one stays perfect...only Allah SWT is. What Tun is trying to do is to give life, pride and hope back to the land we are standing on now. Tun is trying to plant back the dignity this country deserves that has been rooted off by DSN and his very messy mess. Kalau kita tak cuba lakukan, enggan menerima hakikat, fikirkan masa depan anak cucu kita. Dr, if you still have a family or anyone you love then do it for them, you've got nothing to lose but a lot to gain. So be patient and help Tun, help us Save Malaysia for our future generations.

We owe our future generations hope for decent living. We have to think and look forward. Let the past be our teachers to learn to be better.

Sorry if you think this old housewife merapu je. Thank you for your time.

Tun, nak cakap sikit dengan Sri Sense. Don't mind them. Everyone has their own interpretation on the caption "Cash is King". This RM2.6billion words is said by DSN and Tun took it in a political sense. The players in the stocks, investments and businesses interpret it as otherwise. You are a very wise lady full of experiences, you'll do just fine to have nice friendly "conversations" with them. Thank Sri Sense for your time.

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Please take extra care in your safety Tun. And Thank you Tun.



12. [Log in to Reply Sri Sense](#) May 15, 2016 7:17 PM

Salam Tun

nak jawab komen malaysian1000000, itu facts about business and investment tapi 1MDB pulak



opposite

I kata kalau I ada cash, sayang sekali sejak kes 1MDB, I punya investment stuck everywhere, itu pasal I sekarang jengah klinik hospital kerajaan.

I rasa kat wall Tun banyak yang salah faham. Cash is King bukan lah perkataan baru, kat investment world dalam stock market ramai kawan investors cakap gitu. I want to keep my money when the market down I buy. Itu normal la. Investors ini duit depa sendiri, titik peluh sendiri, bukan depa curi duit you or anyone, or pinjam fund yang diamanahkan ke you and joli sakan. Membenci duit kena tengok la source dari mana, beb.

But to politician ianya bukan perkataan yang baik diguna walaupun untuk tempias sesiapa sekali pun. Sebab politician is all about power. If you say that, it simply means you willing to buy support using cash la.

Goodnight Tun. Sleep Tight.



13. [Log in to Reply malaysian1000000](#) May 15, 2016 6:16 PM

Salam,

To Sri Sense,


Wow, saya terkejut apabila pengguna "cash is king" dalam pelaburan dan bisnes untuk mendapatkan habuan apabila tempoh matang sampai menyoal penggunaan "cash" untuk menghidupkan semula

visi dan aspirasi yang diperjuangkan dari zaman sebelum merdeka, sehingga tahun 2009. (Pak Lah get credit because he step down willingly)

Jadi, saya umpamakan anda sama saja seperti DSN. "Cara" memang berbeza, tapi "niat" tu sama iaitu hanya fikir "tembolok" sendiri.


Tak perlulah minta perbalahan/ulasan dari Dr Jaffri tu, sebab, dia datang untuk lepaskan "hajat" saja, tapi minta "kita ni" bersihkan "hajat" dia tu.

TQ

14.  [Log in to Reply Sri Sense](#) May 15, 2016 2:43 PM

Tun

Nak komen faridina, bukankah Tajuddin ini dulu dikenali sebagai 6M dollar man. I tak ingat apa kes, but something like that la, Nazri ini dari zaman Tun pun dia memang dikenali sebagai running dog. Pada orang Melayu yang tak faham apa itu running dog ini maksudnya a servile follower, especially of

a political system. 

15.  [Log in to Reply Sri Sense](#) May 15, 2016 2:29 PM

Tun

Apa jadi dengan Teluk Intan? I baca blog kadir jasin tadi. Sebagai contoh?

Seingat I sekarang under Mah Gerakan. Setau I famili si Mah ini memang famous kat Hilir Perak. Ada library his grandfather buat dah lama situ.

16.  [Log in to Reply Sri Sense](#) May 15, 2016 2:15 PM

Salam Tun

Berita

### **Deklarasi Rakyat: NGO persoal kebenaran sejuta tandatangan**

Pertubuhan Gabungan Melayu Nusantara Negeri Sembilan membangkitkan persoalan itu memandangkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Sekretariat Pakatan Harapan menyatakan jumlah tandatangan yang berbeza.



– I rasa macam 1.2 juta sikit je. Patut lebih tu.

News can be found here

<http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/05/15/deklarasi-rakyat-ngo-persoal-kebenaran-sejuta-tandatangan/>



17. [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** [May 15, 2016 12:23 PM](#)

Assalamualaikum... Think bigger than Malaysia please... But still... We need changes in this corrupt country first... What is the point living like this... Im wish for early death rather than seeing Islam collapse... Especially in my own country... Please read what "They" published...

Cherishing special relations with God, the Jews have to nurture special relations with the Christians  
By Vladimir Minkov

Sat, 14 May 2016, 07:51 PM

Yes, Christians did not treat the Jews nicely or fairly in the historic past. We the Jews remember the calamities of our Christian-led expulsion from many countries such as Spain, Portugal, England, and France. We remember our Christian-led pogroms in the Tsarist Russia. We have survived all those calamities with the hope that someday the Christians would understand and appreciate the role of Jews in helping them understand the God's guidance on creating a true God's world for all the humans on this earth.

It looks like now the hope has been realized – more and more Christians are coming to understanding of the true role of Jews and Judaism in creating the Christianity.

However, this understanding is mostly at the level of ritual canons. And we need more than the mutual ritual canons. We need the joint actions aimed at strengthening and defending the Judeo-Christian characteristics of the entire world we live in, first of course in the USA. Those joint actions are urgently needed to resist the forces, which are hostile to the Judeo-Christian vision of the just world for everybody. Those hostile forces are of two different virtues. One of them is of religious nature, and that is Islam; the other one is of secular nature, and that is the Big Government playing the role of a human god.

We hear often that Islam is a religion of peace. Unfortunately, although there are many peaceful Muslims, religion of Islam is not religion of peace, and it is easy to prove.

Judaism and Christianity are truly peaceful religions since they welcome the people of other faiths in the Jewish and Christian holy places – in Jerusalem, Bethlehem, Tiberius, Nazareth, or anywhere around the world. Contrary to this welcoming and peaceful approach, Islam prohibits the people of other faiths, the "infidels", to visit its holiest places in Mecca and Medina. If a religion is not willing to share its holy places with the "strangers", this religion is not a religion of peace. The majority of Israelis understand it, and some Americans have begun to understand it as well – thanks to Donald Trump.

We hear often that a Big Government that is playing the role of a human god is a required prescription for peaceful coexistence of all diverse social groups. Unfortunately, although a limited government is needed for maintaining the order in a society, a Big Government is splitting the society into hostile social groups. This split is essential for a Big Government to seize the power and preserve it for its own material benefits.

Here are examples of the split created by an American Big Government by manufacturing the socially preferred groups and providing them with legal and financial preferences over competitors:

blacks against whites,

police against citizens,

poor against rich,

secular against religious,

natives against europeans,

one group of immigrants against other groups,

traditional families against LGHT "families",

children against parents,

boys against girls in school bathrooms,

etc.

The preferred groups are voting for the Big Government to preserve their preferential treatment and welfare-type benefits they are rewarded with while the non-preferred groups are being legally robbed to support the scheme (it is called the wealth redistribution).

The time has come to translate the Judeo-Christian mutual understanding into the joint actions aimed at strengthening the Judeo-Christian parameters of the world we live in, and at resisting the forces, which are hostile to the Judeo-Christian vision of the just world for everybody. That means eliminating all preferences to selected social groups and treating them as equals – the equal opportunities for everybody to reach an individual God-guided maximum of results.

The Jews have been the originators of many social movements that created the foundation of the contemporary Western Judeo-Christian world – they have to begin nurturing the new relationships with the Christians, which are aimed at restoring and strengthening the Judeo-Christian parameters of the USA and the entire world we live in. It would mitigate the anti-Semitism and bring the Torah/Bible closer to the people.

18.  [Log in to Reply Ali Akbar Hashim](#) May 15, 2016 11:29 AM

Dear Sir,

Nazri Aziz is very rude!

Someone will teach him a good lesson

Only bloody fools elected him as a Member of Parliament

He is good for nothing

A deadwood

His track record speak for himself

He is a grand champion now

Till one day he losing his power

He will be treated like a wounded dog

Someone will spit on his grave

Someone will piss on his grave



19. [Log in to Reply wajaperak](#) [May 15, 2016 10:17 AM](#)

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon ruangan.

Kita dapat lihat di sini bagaimana kebanyakan blogger adalah terikat dengan persekitaran masa kecil mereka ( childhood ) dan persekitaran pendidikan mereka ( Education ). Mereka tidak berani keluar dari kepompong selamat mereka yang di takrifkan sebagai 'Compartment Mentality'.

Apabila kita diseru untuk thinking out of the box sebenarnya kita diajak berfikir di luar keranda kita yang 'box in' pemikiran dan tindakan kita yang bukan sahaja tidak menggunakan scale dan kayu pengukur jiwa kita sendiri yang di maksudkan oleh Imam Ghazali tentang hadith Rasullulah s.a.w..

'Mintalah fatwa dari hati mu sendiri"..

Justru kita lihat perbincangan Cash hanya merujuk kepada wang dan pengukuran harta benda dan kewangan sahaja yang amat sempit ruang lingkupnya.

Tidakkah tepat takrif 'lingkup' itu?

Tun.

Saya kecewa dengan takrifan ?DR? Jafri tentang pengkhianat UMNO.

Hanya orang yang buta dan kejam sahaja yang enggan mengiktiraf jasa Tun terhadap UMNO.

Tapi Allah hormat pilihan dan pendapat hamba-hambaNya.

Jika hamba-hambaNya memilih untuk menderhaka dan berlaku zalim, itu kehendak mereka sendiri yang mesti di bayar harganya di akhirat.

Saya menghormati pendapat ?Dr? Jafri yang menuduh dan menyindir Tun pengkhianat. Tetapi ?Dr?Jafri juga mesti hormat pendapat saya yang menentang pendapatnya.

Pengkhianat UMNO adalah najib dan konco-konconya termasuk ANDA. Jangan kita menyemakkan blog Tun dengan pertikaian peribadi kita. Hantar utusan anda ke e mel saya

**DAN BERLAKU JUJUR,BERANI DAN IKHLAS..**

**Terima kasih Tun.**



20. [Log in to Reply daeng](#) [May 15,2016 8:56 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Izinkan saya komen sedikit tentang ulasan Dr Jafri.

Dr Jafri, UMNO adalah "alat" umpama sebuah rumah pusaka. Ketua keluarga turun temurun umpama pemimpin. Dr Jafri yang "bijak" seolah-olah menganggap UMNO adalah sebuah parti yang kononnya suci??? Tahukah tuan jika ketua keluarga jenerasi terdahulu sebagai ketua keluarga adalah orang yang disanjung, adakah ketua keluarga kemudiannya mewarisi sanjungan itu jika perangai ketua keluarga sekarang bagai "syaitan yang direjam"? Tahukah tuan, hukum orang yang bersubahat dengan kemungkaran??? Pandangan makrifat saya mengapa Tun tidak kondem UMNO dan memperli ahli-ahli UMNO yang bersekongkol dengan Najib Razak selama ini, saya sudah memberi kiasan tersebut.

Saya mohon Dr Jafri yang kononnya "bijak" ulas komen saya ini.

Ulasan oleh Hajar tentang desakan kepada Tun dalam penubuhan parti baru oleh pengulas tertentu saya juga setuju. Penubuhan parti baru tidak wajar dan hanya elok untuk tempoh yang pendek sahaja. Fokus utama dalam masa 2 tahun menjelang PRU14 hanyalah untuk menjatuhkan Najib Razak sahaja. Saya percaya gambaran sebenar sokongan majoriti rakyat terhadap Najib Razak akan terjawab pada keputusan PRK di Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Najib Razak akan sedaya upaya menabur dedak dan Najibnya dalam 2 PRK ini. Jika dedak dan Najibnya ditabur tidak memberi pulangan hasil yang diharapkan, saya cukup yakin Najib Razak akan dipandang "bangkai" dalam UMNO yang diketuai olehnya sendiri. Fokus UMNO untuk memangi PRU14 semakin tipis. Firasat saya selepas PRK ini jika berpihak kepada bukan UMNO, akan ujud suara lebih kuat mendesakan pengunduran Najib Razak dari dalam UMNO. Kita tunggu dan lihat apa peranan dan tanggungjawab ahli-ahli UMNO yang saya anggap selama ini majoritinya "pengecut" dan bodoh.

Wassalam.



21. [Log in to Reply faridina](#) [May 15,2016 8:30 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Mengikuti ceramah Tun tempoh hari di LBJ cukup bererti bagi kami memandangkan sambutan penduduk2 di sana amat menggalakkan dan kehadiran kami hanyalah sebagai pemerhati dan memerhatikan mereka tidak meninggalkan majlis sehingga ayahanda Tun selesai berucap adalah satu kepuasan.

DS Mukriz memulakan bicara dan antara yang menarik boleh dikongsi ialah perihal modal 1MDB sekecil RM1juta boleh meminjam RM42,000juta.

Analoginya kalau anda pergi bank nak pinjam RM42,000 nanti bank tanya modal kamu berapa, anda jawab seringgiti mahu kena hambat keluar bank jawabnya.

Kemudian DSMM menambah lagi nak tahu berapa banyak duit RM42billion tu kalau ditukarkan dengan duit seratus ringgit semuanya? Jawabnya anda boleh susun duit seratus dengan seratus tu dan duit2 ni boleh disusun hingga pusing dunia 1 1/2 kali.

Cuba kita buat kiraan dalam metrik pula, ukur lilit bumi adalah 12,742 kilometer, tambah separuh lagi iaitu 6,371 km maka jadilah 19,113 km. Makanya bagi setiap kilometer Najib meminjam lebih RM2juta. Kos bina jalanraya federal berapa ya bagi setiap kilometer?

Akhir sekali DSMM ingatkan Nazri Aziz (si lembik aksyen je lebih tu cuma nak tunjuk macho pada gadis2 muda gamaknya) bahawa beliau adalah anak jantan Tun M jadi kalau berhajat sangat nak bertumbuk dengan Tun maka jumpa dengan beliau dahulu kalau si Nazri juga anak jantan.

Maaf terlebih dahulu orang2 Perak di sini ya bukan semua tapi ada 2 lagi orang Perak peel macam ni Mr I Reckon dan Tajuddin bantut songkok miring (muka lawak nak buat ganas kunun memang tak sampai – dikenali sebagai maharaja lawak dalam parlimen sejak berkurun lamanya).

TS Muhyiddin malam itu sungguh bersemangat sekali terpancar cahaya nur di wajahnya kerana menceritakan yang hak atau kebenaran dan banyak menyelitkan potongan ayat2 suci dan kisah para sahabat untuk menguatkan hujah.

Latarbelakang agamanya bagus sementalah arwah bapanya seorang ulama terkenal di Muar satu ketika dahulu dan beliau sedikit sebanyak boleh berbahasa Arab dan takut pada Allah s.w.t untuk berkata bohong atau berdusta.

Katanya Saidina Abu Bakar sewaktu mula dilantik sebagai khalifah mengeluarkan kenyataan selagi mana beliau menuruti perintah Allah s.w.t taati lah beliau tetapi jika tidak maka tegurlah beliau. Hari ini ada pemimpin jika ditegur maka kena pecatlah alamatnya. Setiap jumaat kita juga diingatkan dalam khutbah untuk mentaati perintah Allah, Rasul dan para pemimpin selagi dianya mentaati perintah Allah dan Rasul.

Berbalik pada 1MDB pula TSMY menyamakan kehilangan wang USD 7 billion (RM28 billion) yang tidak dapat dikesan dengan belanjawan negeri Kedah selama 40 tahun (belanjawan tahunan Kedah ialah RM700juta) wow lama betul boleh bertahan ekk. Najib belanja sekejap je dah tak boleh kesan?

Tun M seperti biasa menutup bicara dengan kenyataan bahawa DR telah mencapai hampir 1.2 juta tandatangan dan usaha ini akan berterusan untuk mendapat lebih kutipan tandatangan.

Katanya dalam sejarah 6 PM Malaysia hanya Najib seorang sahaja mendapat tentangan dan bantahan dari rakyat sebegini rupa.

Kami agak kecewa apabila Tun mengatakan bahawa sesiapa yang rapat dengannya akan disiasat LHDN dan cuba dapat maklumat samada Tun ada syer dalam mana2 syarikat.

Bacul betul Dr Syukur dan LHDN ni yang sepatutnya kalau tak berani siasat Najib dan Rosmah maka siasatlah status cukai Jho Low, Riza Aziz dan Nik Faisal SRC dahulu demi mendapatkan kebenaran bagi pihak rakyat.

LHDN sekarang kerja dia dapatkan seberapa banyak cukai dari rakyat dan korporat setiap tahun supaya boleh dapat bonus hingga 3 bulan ke atas setiap tahun.

Malam berlabuh dan Tun berlalu pergi pulang tanpa iringan polis pengiring tetapi diiringi doa rakyat marhaen agar beliau selamat dan sentiasa dilindungi hendaknya.

Bayangkan betapa besarnya pengorbanan Negarawan yang meniti penghujung kehidupannya ;( .

Terima kasih Tun!

Wasalam.



22. [Log in to Reply Sri Sense](#) May 15, 2016 8:26 AM

Salam Tun

I baca komen2 sini. I doubt Tun akan tubuh parti baru. Tun Mahathir sayang UMNO. Bila dulu UMNO diharamkan Tun Mahathir juga yang selamatkan.

Namun gitu as pengundi biasa, I fikir ada baiknya tubuh parti baru.

BN, kaki duit – ini duit itu duit semua pun duit duit, tamak, mata duitan. BA kaki gaduh – ini tak betul, itu tak betul, asyik berebut2 tempat bertanding, tak kasi tanding juga – tak sekata, not



united.

Rakyat dah boring. Kalau ada yang baru bagus, kalau tak ada, baik tak payah keluar mengundi.



